



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

AMANAH DAN INTEGRITI, TIANG NEGARA

Tarikh Dibaca:

**21 SAFAR 1447H /
15 OGOS 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا كُنَّا لِلَّهِ حَاشِيَةً
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AMANAH DAN INTEGRITI, TIANG NEGARA

15 OGOS 2025 / 21 SAFAR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ

تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

النساء [58]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: '**Amanah dan Integriti, Tiang Negara**'.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Sesungguhnya setiap tugas yang kita pikul bukan sekadar pekerjaan, tetapi amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Allah SWT memerintahkan kita untuk menunaikan setiap tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagaimana firman-Nya dalam Surah an-Nisaa' ayat 58 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

Manakala dalam sebuah hadis, diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Abu Hurairah *radhiallahuanhu* bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

أَدِّ الْأَمَانَةَ إِلَى مَنِ امْتَنَكَ وَلَا تَخْنُ مِنْ خَانَكَ

Maksudnya: *“Tunaikan amanah kepada orang yang memberi amanah kepadamu, dan janganlah kamu mengkhianati orang yang mengkhianatimu”.*

Begitu juga sabda Rasulullah SAW yang mengingatkan kita tentang amanah kepimpinan yang akan menjadi pertanggungjawaban di akhirat nanti. Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar *radhiallahuanhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *“Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang apa yang dipimpinnya. Pemimpin yang memimpin manusia adalah penjaga dan dia akan dipersoalkan tentang rakyatnya”.* (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi, integriti merupakan teras penting kepada setiap perkhidmatan yang dilaksanakan. Ia berperanan sebagai benteng daripada sebarang kerosakan seperti rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya. Islam sendiri cukup tegas berhubung soal integriti apabila Allah SWT mengingatkan kita supaya tidak mengkhianati amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Firman-Nya dalam Surah al-Anfaal ayat 27:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَحُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.

Begitu juga ketegasan Islam dalam membanteras gejala rasuah dengan peringatan keras yang dapat dilihat daripada hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr *radhiallahuanhuma*;

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melaknat kedua-dua pihak—pemberi rasuah dan penerima rasuah”.

Oleh itu, ingatlah! Tanpa integriti, kepercayaan masyarakat akan runtuh. Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW memberi amaran;

إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

Maksudnya: “Apabila amanah disia-siakan, maka tunggulah saat kiamat”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam juga menuntut umatnya untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan tekun dan bersungguh-sungguh kerana setiap pekerjaan akan dipersoalkan.

Apabila seseorang melaksanakan tugasnya dengan bersungguh-sungguh kerana mengharap pahala daripada Allah, maka dia telah menunaikan kewajibannya dengan sempurna. Dia berhak menerima ganjaran atas kerjanya di dunia, dan lebih beruntung lagi kerana akan mendapat pahala di akhirat.

Inilah ciri-ciri orang beriman yang dijanjikan syurga Firdaus sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Mu’minuun ayat 8 hingga 11:

﴿وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾﴾

﴿أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾﴾

Maksudnya: “Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; Dan mereka yang tetap memelihara solatnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi - Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Untuk menghidupkan nilai tanggungjawab dan integriti, kita mesti, **pertama**, menetapkan niat bekerja kerana Allah. **Kedua**, mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi. **Ketiga**, menunaikan tugas dengan penuh disiplin dan tepat masa. **Keempat**, menolak sebarang bentuk penyelewengan.

Kita juga dituntut untuk mempererat kerjasama rentas agensi yang menjadi kunci keberkesanan dan keberhasilan dalam penyampaian perkhidmatan. Itulah kekuatan kita. Allah SWT berfirman dalam Surah as-Saff ayat 4:

﴿إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَنٌ مَرْصُوصٌ ﴿٤﴾﴾

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh”.

Dalam pada kita melaksanakan tanggungjawab juga, sentiasalah bermuhasabah dan memohon keampunan Allah sambil memperbanyak mengingati mati.

Akhirnya marilah kita berusaha menjadi pemegang amanah yang bukan sahaja dihormati oleh manusia, tetapi juga dimuliakan oleh Allah SWT di akhirat. Doakan agar negara kita dikurniakan para pemimpin, pentadbir, penjawat awam dan pekerja yang jujur, amanah dan bebas daripada rasuah. Moga Allah menjauhkan kita daripada sebarang bentuk pengkhianatan yang membawa kepada kehinaan di dunia dan azab di akhirat.

Justeru, mengakhiri khutbah, ini beberapa rumusan yang boleh diingati;

Pertama: Amanah adalah tanggungjawab yang mesti ditunaikan dengan adil dan penuh integriti kerana setiap individu akan dipersoalkan di akhirat kelak tentang tanggungjawabnya.

Kedua: Islam menegah keras pengkhianatan amanah dan melaknat pemberi serta penerima rasuah. Tanpa integriti, kepercayaan runtuh, dan pengabaian amanah adalah tanda kehancuran.

Ketiga: Islam menuntut kerja bersungguh-sungguh, amanah, disiplin, dan utamakan kepentingan umum. Jauhi penyelewengan, bina kerjasama, serta sentiasa muhasabah agar dimuliakan di dunia dan akhirat.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah an-Nahl ayat 97:

﴿مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ

أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاكِ فَرْمَايسُورِي اَكْخُوعْ، رَاكِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.